**TNB ENGINEERING CORPORATION**
(279964-A)

**NOTIS TAWARAN TENDER**
**UNTUK**

**TENDER TITLE:**
**DESIGN AND BUILD OF A NEW MEETING ROOM WITH EXTERNAL STAIRCASE AND ASSOCIATED CIVIL, ARCHITECTURAL AND M&E WORKS AT UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN) DISTRICT COOLING PLANT ("WORKS")**

**TENDER DOCUMENT NO.: TNEC/PROC/042/06(26)**
**RFX NO.: 4000053674**

TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC), adalah sebuah anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad. Tender adalah dipelawa daripada *vendor* / kontraktor TNB bagi kerja-kerja dibawah.

Kontrak kerja bagi kerja-kerja yang dianugerahkan adalah diantara TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC) dan penender yang dipilih.

**Keperluan Mandatori:**

1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
2. Berdaftar sebagai *Vendor* **TNB** yang telah berdaftar sebagai ***Supplier Self Services (SUS)***
3. Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi Gred G3 dengan pengkhususan berikut:
   B04 – Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan; dan
   CE21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam; dan
   M15 – Kelengkapan Mekanikal Pelbagai.
4. Petender telah menyempurnakan sekurang-kurangnya dua (2) kontrak yang melibatkan pengubahsuaian bangunan, pengubahan, kerja keluli struktur dan pembinaan pejabat, bilik mesyuarat komersial atau kemudahan serupa/berkaitan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu
5. Petender hendaklah menyiapkan keseluruhan kerja dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh mula kerja. Petender juga dikehendaki mengemukakan program kerja dalam bentuk Carta Gantt (Gantt Chart) yang menunjukkan perancangan dan pelaksanaan kerja bagi tempoh empat (4) bulan tersebut.
6. Penyertaan tender secara usaha sama *(joint venture)* adalah tidak dibenarkan.

**Nota :**
Semasa proses pembelian dokumen tender atau pengambilan e-invois, salinan dokumen sokongan bagi memenuhi Keperluan Mandatori No. 4 hendaklah dikemukakan. Salinan dokumen sokongan tersebut perlu dihantar melalui e-mel kepada tnec-procurement1@tnb.com.my. Selain itu, salinan bukti berkenaan juga hendaklah dimuat naik ke dalam sistem dalam format PDF sebelum tarikh tutup tender.

Pihak TNEC tidak akan bertanggungjawab terhadap pembelian dokumen tender yang tidak memenuhi keperluan mandatori yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi keperluan tersebut boleh menyebabkan penyertaan tender ditolak.

**Taklimat Tender & Lawatan Tapak (wajib):-**
Wakil syarikat yang menghadiri sesi lawatan tapak hendaklah memenuhi keperluan berikut:
a) Memakai pakaian yang bersesuaian dan membawa kelengkapan PPE sendiri (kasut keselamatan & topi keselamatan) jika diperlukan.
b) Membawa pita pengukur untuk mengambil ukuran yang diperlukan bagi tujuan penyediaan sebut harga.
c) Kehadiran adalah terhad kepada dua (2) orang wakil syarikat sahaja.
d) Membawa cop rasmi syarikat bagi tujuan pengesahan kehadiran.

**PERTANYAAN MENGENAI LAWATAN TAPAK (WAJIB) / SPESIFIKASI TENDER:-**

| | |
|---|---|
| Tempat | : UNITEN DCS Plant, Kajang, Selangor Darul Ehsan |
| Tarikh & Masa | : 29 June 2026 (Isnin) @ 10:00 pagi |
| Pegawai untuk dihubungi | : Shukri bin Yusof di talian 012-2905913 |
| | Amir Rasfan bin Ali di talian / 017-2048082 |
| Email | : shukri@tnb.com.my / amirra@tnb.com.my |

**Pembelian Tender :**
Dokumen Tender boleh diperolehi dengan bayaran **RM250.00 (Dua Ratus Lima Puluh Ringgit Malaysia Sahaja)**. Pembayaran hendaklah dibuat melalui perbankan dalam talian *(online banking)* ke akaun **TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd.** Nombor akaun untuk tujuan pembayaran tender fii ini akan dinyatakan di dalam email bersama e-Invois yang akan dikeluarkan kepada *vendor* / kontraktor TNB.

Tempoh untuk mendapatkan e-Invois dan membuat pembayaran adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 24 Jun 2026 hingga 3 Julai 2026 (waktu bekerja) |
| Masa | : 8 pagi ~ 5:00 petang (rehat 1:00 ~ 2:00 petang) Isnin - Khamis |
| | : 8 pagi ~ 5:00 petang (rehat 1:00 ~ 2:30 petang) Jumaat |

Sila dapatkan e-Invois dengan mengemukakan permohonan melalui e-mel kepada tnec-procurement1@tnb.com.my berserta butiran syarikat dan dokumen sokongan yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam lampiran (e-Invoice Supporting Documents). Salinan dokumen sokongan bagi Keperluan Mandatori No. 4 juga hendaklah disertakan. Nombor akaun untuk tujuan pembayaran dokumen tender akan dimaklumkan bersama e-Invois yang dihantar melalui e-mel.

Sila nyatakan Nama Syarikat atau No. RFX: 4000053674 dalam rujukan transaksi pembayaran.
Bayaran dokumen tender yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

Tender Dokumen tersebut boleh dimuat turun (*download)* ***secara atas talian*** *(online),* (***e-Tender SUS PORTAL - https://srm.tnb.com.my/irj/portal)** setelah memajukan bayaran dan emailkan bukti bayaran tersebut kepada:

Nama : Jabatan Perolehan
E-mail : tnec-procurement1@tnb.com.my

Sila hubungi TGBS TeleSolutions untuk sebarang pertanyaan dan bantuan teknikal bagi e-tender.

TGBS TeleSolutions
Tel : 03-8929 9595
E-mail : proc@myssctnb.com.my

Penyerahan Dokumen Tender adalah secara atas talian *(online).* Tarikh tutup penghantaran Tender adalah pada, atau tidak lewat daripada jam **<u>12:00 tengahari, Rabu 8 JULAI 2026</u>**.

Arahan untuk penyediaan dokumen tender dan cara penyerahan boleh didapati dalam Arahan kepada Penender (ITT).

TNB Engineering Corporation Sdn Bhd (TNEC) tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tender/sebutnarga atau memberi apa-apa sebab sesuatu tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas kos perbelanjaan berhubung tender ini.

Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan oleh pihak TNB Engineering Corporation Sdn Bhd (TNEC).

Sila hubungi kami di alamat email **tnec-procurement1@tnb.com.my** sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkara di atas.